

Laporan TV Israel berniat tidak baik — Mahathir

Oleh
ZULKIFLEE BAKAR

KUALA LUMPUR 15 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan laporan TV Israel bahawa beliau mengadakan pertemuan sulit dengan Perdana Menteri, Yitzhak Rabin awal bulan ini di Paris, sebagai berniat tidak baik.

Katanya, TV Israel berbuat demikian dengan niat beliau akan menghadapi masalah.

“Saya fikir dia (TV Israel) ingat...bila dia kata macam tu saya akan hadapi masalah...tak ada niat baik la...kawan tu (Israel) mana pernah ada niat baik,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, di sini, malam ini.

Beliau mengulas laporan agensi berita AFP yang memetik TV Israel sebagai menyatakan Rabin mengadakan pertemuan sulit dengan Dr. Mahathir di Paris awal bulan ini ketika Rabin ke sana untuk menerima Anugerah Keamanan UNESCO bersama dengan Menteri Luar Simon Peres dan Pengerusi Pertubuhan Pembebasan Palestin Yasser Arafat.

Dr. Mahathir membuat lawatan rasmi ke Perancis dari 6 hingga 9 Julai lalu.

Perdana Menteri seterusnya berkata, apa yang sebenarnya berlaku ialah ketika itu beliau tinggal di Hotel de Crillon milik Kerajaan Perancis dan kebetulan Rabin turut menginap di hotel yang sama.

“Semua tetamu Kerajaan Perancis duduk di situ, Yitzhak Rabin duduk di bawah saya...dia duduk di tingkat dua...sa-

ya duduk di tingkat tiga...itu sahaja lah...saya tak jumpa dia pun...jumpa dia nak buat apa,” kata Dr. Mahathir sambil ketawa.

Ditanya mengenai laporan TV Israel yang menyatakan beliau (Dr. Mahathir) menghantar adinda Yang di-Pertuan Agong, Tunku Abdullah Tuanku Abdul Rahman untuk bertemu Rabin pada 6 Julai lalu, Perdana Menteri berkata: “Tak tahulah...saya tanya Tunku Abdullah...dia kata dia dijemput...bukan saya hantar dia...bukan dia minta...tapi masuk dalam *report* (laporan berita Israel) tu kononnya saya hantar dia untuk jumpa Rabin.”

Dr. Mahathir mengesahkan bahawa pemergian Tunku Abdullah ke Israel adalah atas tujuan perniagaan.

Ditanya adakah jemputan Israel terhadap Tunku Abdullah untuk tujuan perniagaan, Dr. Mahathir berkata, “ia bukan *business*...dia (Israel) nak cakap soal politik...dia (Israel) panggil...bukan kita hantar. Dia (Tunku Abdullah) pergi hendak cari *business* dan *business* itu bukan dengan Israel sahaja tetapi juga dengan rakyat Palestin.”

Mengenai mesyuarat dengan Badan Perhubungan UMNO Kelantan malam ini, Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, walaupun mesyuarat itu belum membuat sebarang keputusan mengenai Jawatankuasa Penaja UMNO di Kelantan tetapi ia telah menyelesaikan banyak masalah yang timbul.

“Soal nak tentu siapa jadi ketua tak jadi isu tetapi saya fikir perpaduan dalam parti lebih rapat kerana kita dapat luahkan perasaan,” katanya yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan.